



Oleh **GAZALI ALIAS**

RENCANA UTAMA

Menelusuri keindahan biodiversiti dan sejarah

BioGeoTrail Sungai Kubang Badak Mangrove Langkawi Geopark, Langkawi merupakan lokasi pelancongan geo terbaharu di Langkawi yang bukan sahaja menyimpan khazanah biodiversiti paya bakau tetapi juga penemuan geologi, warisan dan budaya yang mencecah usia ribuan tahun.

SEBAIK sahaja bot memulakan perjalanan dari jeti BioGeoTrail Sungai Kubang Badak Mangrove Langkawi Geopark, Langkawi, Kedah matanya terpukau dek keindahan paya bakau yang masih subur menghijau di sepanjang sungai.

Baginya perjalanan selama dua jam menyusuri perhentian-perhentian di sungai itu cukup memberikan pengalaman berbeza, seakan menelusuri terowong masa ke zaman dahulu. Biar pun hanya berkesempatan mengunjungi enam daripada 13 perhentian keseluruhannya, ia sudah begitu menakjubkan.

Itulah pengalaman yang dirasai oleh pelajar separuh masa, **Nur Syafiqah Abdul Rahman**, 20, ketika menyertai lawatan ke lokasi pelancongan taman geologi baharu di Langkawi itu.

Menurut gadis berasal dari Temerloh, Pahang itu, ini merupakan kali pertama dia berlanjut ke Kampung Kubang Badak dan tidak menyangka ia mempunyai sejarah tersendiri selain mempunyai keindahan biodiversiti paya bakau yang masih terjaga.

"Lawatan ke Langkawi kali ini amat mengujakan kerana saya dapat mempelajari sesuatu yang baharu selain menyaksikan sendiri lokasi yang menyimpan sejarah negara sejak 5,000 tahun lalu.

"Malah, dalam lawatan ini juga saya dan rakan-rakan lain dapat merasai sendiri pelbagai aktiviti di setiap hentian selain memahami pelbagai ilmu yang berbeza dari segi biodiversiti, geologi dan sejarah," katanya ketika ditemui **K2** pada sesi

lawatan ke destinasi menarik itu bersama Kementerian Pengangkutan sempena Cabaran 24 Jam #FantasticLIMA19 baru-baru ini.

Tambah anak ketiga daripada lima adik-beradik itu, pelancongan bio-geo ini adalah satu pendakatan berbeza bukan sahaja memberikan pengalaman bercuti tetapi mencetus minat terutama untuk mengenali sejarah negara.

Empat elemen

BioGeoTrail Sungai Kubang Badak Mangrove Langkawi Geopark merupakan lokasi pelancongan terbaharu yang juga taman hutan geologi keempat di Langkawi.

Lokasi yang dibangunkan oleh Lembaga Pembangunan Langkawi (LADA) dengan kerjasama penyelidikan oleh Pusat Penyelidikan Langkawi Universiti Kebangsaan Malaysia (PPLUKM) itu mula dijumpai sejak tahun 2017 sebelum menjadi destinasi pelancongan geo terbaharu setahun selepas itu. Terletak di haur laut Langkawi,

BioGeoTrail Sungai Kubang Badak Mangrove Langkawi Geopark mempunyai 13 tapak lawatan khas yang mempunyai elemen warisan, geologi, biodiversiti dan budaya yang unik di kawasan Kubang Badak.

Mempunyai keluasan lebih 500 hektar, lokasi ini juga dibangunkan bertujuan untuk meningkatkan kesedaran orang ramai dan mempromosikan cerita menarik berhubung keempat-empat elemen berkenaan khususnya di Langkawi.

Menurut, Pengarah Pemasaran BioGeoTrail Sungai Kubang Badak Mangrove Langkawi Geopark, **Rusasmizal Mohamad Ghazali**, semua lokasi lawatan di Sungai Kubang Badak mempunyai tarikan yang tersendiri, yang perlu dirasai oleh pelancong.

"Lokasi lawatan ini bermula dengan Kampung Sungai Badak sendiri yang sebenarnya merupakan lokasi bersejarah penempatan masyarakat Siam suatu ketika dahulu yang bukan sahaja membentuk penempatan tetapi juga menjadi hab pembuatan kapal dan sampan.

"Seterusnya perjalanan lawatan ini akan membawa pelancong ke lokasi lain yang merangkumi empat tempat tarikan biodiversiti, tiga lokasi geologi, tiga hentian sejarah dan selebihnya lokasi berlibur," ujar bapa kepada dua cahaya mata itu.



NUR SYAFIQAH



RUSASMIZAL



BATU kapur berbentuk kepala gajah merupakan antara tarikan geologi di BioGeoTrail Sungai Kubang Badak.



PENGUNJUNG menggunakan bot untuk menyusuri 13 perhentian di sungai yang penuh dengan kepelbagaian bio dan nilai sejarah itu.

PANORAMA hutan paya bakau yang tumbuh subur di sekitar Sungai Kubang Badak.